

UCAPAN PERDANA MENTERI, DI MAJLIS HARI
UCAPAN DAN PENYAMPAIAN HADIAH KOLEJ
MELAYU, KUALA KANGSAR, PERAK PADA
7HB JULAI, 1973

Yang Berbahagia Tan Sri Syed Zahiruddin¹, Pengerusi, Lembaga
Pengurus, Ahli-ahli Lembaga Pengurus, Guru Besar, Murid-murid
dan Hadirin sekalian,

Pertama sekali, suka saya menyatakan perasaan amat gembira
di samping mengucapkan terimakasih kepada pihak Kolej Melayu
ini kerana ingatan baik mereka menjemput saya hadir pada upacara
menah petang ini.

Sambutan istimewa yang diberikan kepada saya sebaik sahaja
saya menjejak kaki di kawasan Kolej ini sebentar tadi sangatlah
mengharukan perasaan serta membawa ingatan saya kembali ke
zaman silam masa tahun tigapuluhan dahulu. Perasaan rindu atau
nostalgia kepada Alma Mater ini saya percaya dirasai bersama
oleh setiap bekas pelajar Kolej ini yang telah menempuh tahun-
tahun permulaan hidup dan mendapat penuh munafaat dari Kolej
ini.

Bagi diri saya sendiri, Kolej ini mempunyai tempat istimewa
kerana di sinilah saya mendapat pendidikan rendah dan menengah,
dan oleh itu bolehlah saya nyatakan bahawa saya telah memper-
olehi ilmu pengetahuan dan asuhan peribadi yang memberikan
tapak yang kukuh kepada saya hingga ke hari ini. Saya percaya hal
yang sama juga dirasai oleh beberapa jenerasi pelajar-pelajar yang
telah melalui pintu gerbang Kolej ini termasuklah anak saya yang
kedua, Johari, yang ada bersama di majlis ini pada hari ini.

Rasanya tidaklah perlu saya perkatakan sejarah Kolej ini tetapi
memadailah kita mengingat bahawa Malay College atau Babul-
Darjat ini adalah institusi bercorak public school yang julung kali
didirikan di negara ini. Sebagai seorang murid tua, saya benar-benar
tahu suasana riang gembira dan pahit maung yang dialami oleh
pelajar-pelajar institusi berasrama penuh seperti Kolej ini. Saya
insaf bahawa daripada pengalaman zaman persekolahan yang ber-
kisar di antara riang gembira dan pahit maung itu, Kolej

¹ Pengerusi Sumhanjaya Perkhidmatan Keretapi.

Melayu ini telah menempa prestige akademik dan luar akademik yang amat membanggakan masyarakat dan negara. Kejayaan cemerlang ini dan nama baik MCKK hendaklah sentiasa dijaga dan dikekalkan setiap masa.

Kita sedia maklum, Kerajaan adalah memberikan keutamaan atau priority kepada pelajaran sebagaimana yang terbukti dengan peruntukan wang yang begitu besar untuk pelajaran setiap tahun. Inilah investment negara yang paling utama dan terpenting kerana hasil dari investment ini ialah tenaga manusia atau manpower yang terdidik, berpelajaran dan berdisiplin. Di tangan merekalah terletak beban tanggungjawab menyambung dan meneruskan kehidupan budaya dan tamaddun manusia.

Sepertimana saya katakan pada Konvokesyen Universiti Kebangsaan Malaysia dua minggu yang lalu, taraf kemajuan pelajaran di negara kita hari ini membuka peluang luas kepada semua dari peringkat rendah ke peringkat menengah hingga ke peringkat tinggi atau universiti. Ibarat menibar jala yang besar, kita telah dapat merangkum hampir kesemua, kalau tidakpun, semua sekali anak-anak jenerasi baru dan memberikan mereka pelajaran dan pendidikan. Sekarang tugas kita ialah menentukan bahawa pendidikan dan pelajaran yang diberikan itu menjamin quality anak-anak itu supaya mereka menjadi anggota masyarakat yang berguna dan membina masyarakat Malaysia baru seperti yang dicita-citakan.

Waktu yang akhir saya di sini ialah lapan tahun dahulu semasa Kolej ini merayakan Jubli Emasnya. Oleh yang demikian, kehadiran saya di majlis hari ini bolehlah dianggap sebagai "sentimental journey"—ibarat pulangnya si anak dagang ke Alma Mater atau Ibu Kandung yang sudah terbukti jasanya, dan apa yang saya saksikan menambah lagi keyakinan saya kepada masa depannya yang lebih cerah. Sebagai seorang yang praktikal dan realistik, perasaan sentimental saya itu tidaklah mempengaruhi saya mengharapkan Kolej Melayu ini masih kekal seperti zaman saya dahulu. Sejajar dengan aliran masa, kemajuan negara dan perkembangan dalam bidang pelajaran, Kolej ini sudah bergerak jauh ke hadapan dengan berbagai kemajuan dan kejayaan yang tinggi serta membanggakan.

Saya masih ingat peristiwa-peristiwa lama semasa saya di Kolej ini—hendak tidur loceng, mandi pun loceng, hendak main dan tamat main loceng—hinggakan tiap-tiap kali saya dengar loceng, ingatan saya kembali dengan mesranya ke Kolej ini. Meskipun

pada waktu itu kita merasa bosan bersungut dan tidak suka dengan peraturan-peraturan ketat yang dikenakan ke atas tiap-tiap pelajar tidak kira senior atau baru—sejak pagi-pagi subuh bila kena bangun sehingga tutup lampu pukul 9.00 malam—tetapi bila kita telah bekerja dan menghadapi cabaran-cabaran hidup, kita berasa disiplin dan peraturan itu sangat berguna kepada saya hingga hari ini. It has stood all of us in good stead.

Sayugia diingat hidup kita adalah sentiasa penuh dengan cabaran dan ujian. Disiplin dan peraturan yang dikenakan kepada kita semasa sekolah akan membentuk keperibadian yang kukuh, menyediakan kita dari segi mental dan fizikal untuk menghadapi cabaran dan ujian hidup. Inilah, pada hemat saya, kelebihan ataupun "essense of life" yang tidak didapati di mana-mana kecuali institusi berasrama penuh seperti Kolej ini. Walau betapa berat dan peritnya perasaan akibat dari disiplin tinggal di asrama, saya sekali-kali tidak menyesal datang dan menghabiskan tempuh umur muda saya di Kolej yang dikasihi ini. Saya percaya rakan-rakan seperingkat dengan saya seperti Tan Sri Syed Zahiruddin dan lain-lain, mempunyai perasaan dan pendapat yang sama dalam hal ini.

Hadirin sekalian,

Salah satu tugas Kerajaan yang penting hari ini ialah mencapai matlamat mewujudkan masyarakat adil di negara ini seperti yang digariskan dalam Rukunegara. Pada pengertian saya, pembentukan masyarakat adil ini bukanlah dipandang semata-mata dari segi pembahagian kekayaan negara dalam ertikata "getting a slice of the economic cake" bahkan yang lebih penting, pada hemat saya, ialah peluang saksama atau "equality of opportunity". Tetapi, lebih daripada itu, patutlah dipanjangkan prinsip ini kepada peluang saksama untuk kejayaan "equality of opportunity for success"—dan ini bermakna memberikan pelajaran yang bermutu.

Kita sedar bahawa pada amnya murid-murid yang datang dari kawasan luar bandar adalah merupakan golongan yang mundur atau "culturally disadvantaged". Oleh kerana itu, dalam arena pendidikan mereka sepatutnya dijaminakan peluang yang saksama untuk mendapat pelajaran iaitu samada dari segi peruntukan biaya scholarship atau kemudahan. Namun begitu, kadangkala didapati bahawa peluang yang saksama ini tidaklah bererti mereka mendapat peluang saksama untuk berjaya kerana bagi murid-murid

yang "culturally disadvantaged" ini banyak faktor kemasyarakatan dan nilai-nilai hidup yang menghalang kejayaan. Dengan demikian, kejayaan dalam peluang saksama tadi perlulah diawasi dan saya yakin sekolah-sekolah berasrama penuh yang menampung murid-murid dari luar bandar akan berusaha memenuhi matlamat "equality of opportunity for success" ini.

Konsep peluang saksama untuk kejayaan ini memang lama saya sedari dan inilah yang mendorong saya semasa menjadi Menteri Pelajaran lapan belas tahun dulu membuka pintu Kolej ini kepada rakyat umum dan menghapuskan elite character Kolej ini seperti keadaan terdahulu darinya. Saya percaya dengan menghimpunkan pelajar-pelajar dari kalangan rakyat biasa dan kalangan bangsawan maka akan terdapat persaingan yang sihat, yang mendorong peningkatan quality dan mutu pelajar-pelajar yang lulus dari Kolej ini.

Hadirin sekalian,

Bercakap mengenai usaha-usaha memberikan pelajaran yang bermutu ini, saya yakin bahawa sistem persekolahan berasrama penuh seperti Kolej Melayu ini adalah sistem yang sebaik-baiknya kerana dalam kehidupan pelajar ditanamkan rasa tanggungjawab serta semangat self-reliant, tekun dan disiplin. Kolej Melayu ini sejak wujudnya dalam tahun 1905 telah memainkan peranannya untuk menghasilkan pelajar-pelajar yang mempunyai "quality education" dan merupakan contoh yang paling baik bagi sekolah-sekolah berasrama penuh. Saya gembira bahawa Kolej Melayu ini akan berbalik semula kepada sistem lama iaitu mengambil murid-murid bagi Darjah Satu dan tidak bermula dari Form Satu saja seperti beberapa tahun ini. Dengan demikian, Kolej Melayu ini dapat memegang semula kedudukannya sebagai "doyen" di antara sekolah-sekolah berasrama penuh dan menjadi "institutional model" yang elok dicontohi. Kerajaan berharap sekolah-sekolah yang berasrama di Negara kita dapat dijalankan secara Public School System seperti yang akan dijalankan di Kolej ini.

Hadirin sekalian,

Sejajar dengan matlamat Rukunegara yang menitikberatkan peranan sains dan teknologi, pihak yang berkenaan telah melakukan perubahan dasar dengan meletakkan emphasis kepada membangunkan sekolah-sekolah berasrama penuh. Orientasi dan bias yang kuat diberikan kepada mata pelajaran sains tulis, sains tambahan

dan teknikal untuk mencapai matlamat pengeluaran pelajar-pelajar Bumiputra yang lebih ramai dalam bidang sains dan teknologi. Dalam beberapa tahun yang akan datang ini, pencapaian matlamat ini menjadi "absolute must" kerana inilah faktor yang crucial sekali untuk membetulkan keadaan tidak seimbang dalam masyarakat sekarang. Keseluruhan upaya mempelajari sains di sekolah-sekolah akan dijayakan dengan jujur dan penuh tanggungjawab.

Saya suka menarik perhatian bahawa peruntukan kursus-kursus pelajaran yang kuat terhadap mata pelajaran sains dan teknikal di sekolah-sekolah berasrama penuh ini patutlah kita semua tinjau dari perspektif yang sebenarnya kerana kalau tidak, akan timbul sangkaan yang kita terlalu memberatkan tekanan kepada lapangan sains dan teknikal. Di samping mengeluarkan tenaga manusia untuk keperluan ikhtisas di bidang sains dan teknologi, corak pendidikan di sekolah-sekolah seperti ini haruslah juga memenuhi keperluan kemanusiaan atau humanities. Kita selalu dengar keluhan kegehahan mengenai kelemahan anak-anak Melayu dalam pelajaran sains dan hisab. Saya sendiri tidak faham betul apakah punca kelemahan ini. Namun saya tidaklah setuju pendapat bahawa masyarakat Melayu tidak serasi dengan sains dan hisab.

Untuk mengatasi masalah ini, pendidikan mestilah memainkan peranan yang utama mengintegrasikan sains ke dalam kebudayaan kita. Bagi sebilangan besar pelajar-pelajar Bumiputra yang dipilih masuk ke sekolah berasrama penuh, termasuk Sekolah Menengah Sains, pelajaran sains dan teknik yang pesat harus didedahkan kepada pelajar-pelajar supaya merintis jalan ke arah proses integrasi ini. Kita mengakui bahawa "development implies adopting a scientific frame of mind" dan oleh itu jika masyarakat Melayu mengintegrasikan sains dalam budayanya dengan cara teratur, maka usaha memupuk "scientific frame of mind" itu boleh ditingkatkan. Pada hemat saya, usaha mengintegrasikan sains ke dalam kebudayaan kita semestinya menjadi tugas dan tanggungjawab yang baru bagi orang-orang Melayu. Jenerasi-jenerasi Melayu yang muda dan masih bersekolah wajib memikul tanggungjawab bagi menjayakan tugas ini.

Kita sedar bahawa di sekolah seperti Kolej Melayu ini satu ciri yang hendak kita pastikan ialah asuhan perwatakan atau character training. Asuhan ini hendaklah mempunyai quality yang sebaik-baiknya bagi menyemai dan memupuk perasaan luhur dan kesanggupan dari segi kepemimpinan (leadership). Pelajar-pelajar

di sini seperti di zaman saya dulu menganggap diri mereka kumpulan yang ulung atau "elite" kerana menerima kemudahan latihan atau asuhan istimewa menjadi pemimpin di masa depan. Tetapi suka saya mengingatkan bahawa taraf elitist ini seharusnya berdasar kepada kecerdasan otak atau intelligence pelajar dan kekuatan inisiatif, bukan kerana nama Kolej ini. Pelajar-pelajar haruslah faham bahawa perasaan elitism ini janganlah pula menimbulkan salah perhitungan atau penilaian diri mereka sendiri.

Seperti yang kita maklum, survival masyarakat Malaysia, khususnya masyarakat Melayu di masa depan bergantung besar kepada anggota-anggota masyarakat yang cekal, imaginative dan bersifat "achievement oriented". Watak dan peribadi ini perlu dibentuk dan dilentur dari bilik-bilik darjah lagi.

Dalam hal ini, perkara yang ingin saya tekankan ialah motivation dalam sistem persekolahan kita hari ini. Ada orang berpendapat bahawa suasana persekolahan hari ini terlalu stereotyped tanpa membolehkan guru-guru dan murid-murid bertindak balas dengan lebih imaginative. Laporan Kajian Keciciran ada menyentuh soal motivation ini dan kakitangan dengan aspirasi pembentukan konsep diri dan achievement murid-murid. Kajian ini juga menyebut kaitan antara sifat tersebut dengan effectiveness dan quality pengajaran di bilik darjah. Hal ini menyedarkan kita betapa penting dan mustahaknya guru-guru dan ahli-ahli pendidik kita memikirkan semula cara-cara dan serateji pengajaran dalam mendorong highest achievement.

Saya sungguh memandang berat soal perhubungan mesra, sihat serta mempengaruhi antara guru-guru dengan murid-murid. Saya ingin melihat sifat-sifat ini disemaikan dan dipupuk di bilik-bilik darjah supaya menumbuhkan "state of mind" yang sihat di kalangan bakal-bakal warganegara kita. Gejala-gejala alienation yang merenggangkan hubungan di antara guru dan murid hendaklah dijauhkan dan saya ingin melihat guru memerhatikan aspek ini dengan teliti dalam memberikan didikan dan pimpinan yang baik di bilik-bilik darjah.

Hadirin sekalian,

Sempena hari yang berbahagia ini, saya sukacita mengumumkan dua perkara yang saya percaya tentu akan menggembirakan pelajar-pelajar Kolej ini. Yang pertama ialah Kolam Berenang Kolej yang hendak dibina dengan berharga \$2,500,000 itu, saya sukacita memberikan wang sebanyak \$150,000 dan saya diberitahu

murid-murid tua akan menyumbangkan \$50,000. Bakinya bolehlah kita ikhtiarkan kemudian kelak.

Akan tetapi saya tak tahu samada Kuala Kangsar ini cukupkah untuk memenuhi kolam yang begitu besar. Masa saya dulu, kolam berenang yang kecil dekat Tuck Shop itupun hanya dapat digunakan empat kali sebulan kerana kekurangan air. Saya dengar pada masa inipun hendak mandi pagi, kalau terlambat, terpaksa pergi ke bilik darjah dengan "dry cleaning" sahaja.

Perkara yang kedua ialah Piala Pusingan untuk Pertandingan Bahas Tahunan antara sekolah-sekolah berasrama penuh iaitu sebanyak lapan buah sekolah. Piala ini atas nama saya sendiri dan akan dikenal sebagai Piala Perdana Menteri. Ini adalah untuk mengeratkan persahabatan antara sekolah-sekolah berasrama penuh. Tiga daripada lapan sekolah ini adalah Girls Boarding Schools. Saya harap murid-murid semua akan bermesra antara satu sama lain melalui pertandingan ini. Ada pepatah berkata kalau sudah suka sama suka, maka kata-kata tak perlulah lagi!

Saya juga berasa gembira dan besar hati kerana satu daripada dua Dewan yang ada di Kolej ini telah diberi nama saya sendiri. Inilah satu kehormatan yang saya sangat hargai. Satu Hall lagi diberi nama Hargreaves Hall bagi memperingati Guru Besar Kolej ini yang pertama. Secara kebetulannya saya adalah Perdana Menteri yang pertama datang dari MCKK ini. Kita hanya baharu ada dua Perdana Menteri tetapi saya harap banyak lagi murid-murid tua akan dapat menjadi Perdana Menteri, Menteri-menteri, hartawan dan orang-orang kenamaan di masa akan datang.

Bercakap fasal orang-orang kenamaan, saya teringat tentang nama rumah atau houses di Kolej ini. Ada Mohd Shah House, Ahmad House, Sulaiman House dan Idris House. Kesemua houses ini baik tetapi yang terbaik sekali ialah my house—Ahmad House, forever Ahmad House. Yang koman sekali waktu saya dahulu ialah Idris House. Tak tahulah sekarang ini. Katanya Idris House masih koman lagi!

Hadirin sekalian,

Dengan kata-kata yang berjenaka itu, dan dengan perasaan yang amat gembira dan terharu, sambil mengenang masa lampau yang gemilang, saya berharap Kolej ini akan terus menempuh masa hadapan yang lebih cemerlang mengekalkan keperibadian dan prestige Malay College ini untuk zaman berzaman.



Tun Abdul Razak bin Hussein sedang menaikki beca ketika kembali ke Maktab Melayu Kuala Kangsar, di mana beliau telah bersekolah dari tahun 1934 hingga 1940. Sambutan ini diberi semasa di Majlis Hari Ucapan dan Penyampaian Hadiah Kolej Melayu Kuala Kangsar, Kuala Kangsar, Perak pada 7hb Julai, 1973.

(Gambar The New Straits Times)